

BOLA KERANJANG

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Persekutuan Bola Keranjang Amatur Antarabangsa (FIBA) dan Peraturan Am Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan antara pasukan.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Perkara 5.0 di dalam Perarturan Am Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) adalah dirujuk.
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari DUA BELAS (12) orang pemain.
- 3.3 Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam Borang Pendaftaran Perlawanan tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 3.4 Borang Pendaftaran Perlawanan yang mengandungi senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum perlawanan pertama setiap pasukan bermula.

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk perkara 9.0 peraturan Am.

5.0 PERTUKARAN

Mana-mana DUA BELAS (12) orang pemain boleh diganti/ditukarkan dalam masasesuatu perlawanan termasuk masa tambahan.

6.0 PAKAIAN/ALAT

- 6.1 Pasukan yg namanya di sebut dahulu hendaklah memakai jersi putih/cerah dan pasukan belakang memakai jersi warna gelap. Walaubagaimanapun jika kedua-dua jika mamakai jersi yg berlainan warna, perlawanan masih boleh dijalankan.
- 6.2 Bola perlawanan akan disediakan oleh pihak penganjur.

7.0 MASA BERMAIN

7.1 Kategori lelaki

Permainan ini akan dijalankan sebanyak 4 suku masa iaitu 10 – 1 – 10 – 5 - 10 – 1 – 10.

7.2 Kategori Wanita

Permainan akan dijalankan dua separuh masa iaitu 12 – 5 – 12.

8.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

8.1 Secara liga :

8.1.1 Cara memberi mata :

Menang	-	2 mata
Kalah	-	1 mata
Kemenangan Percuma	-	0 mata

8.1.2 Mengikut Undang-Undang Antarabangsa (Procedure Before The Games).

8.2 Secara Kalah Singkir

8.2.1 Mengikut Undang-Undang Antarabangsa (Procedure Before The Games).

9.0 KELEWATAN

Masa selama LIMA BELAS (15) minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan DUA

(2) mata kemenangan dan bilangan 20 - 0.

10.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya perlawanan diberhentikan akibat hal-hal yang di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

11.0 BANTAHAN / TATATERTIB

Sila rujuk Perkara 14.0, 15.0 dan 16.0 di dalam Undang-undang Dan Peraturan Am KARiSMA.

12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.

